



### UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KEDAH

Universiti Teknologi MARA dengan ini mempelawa calon-calon **Warganegara Malaysia** yang berkelayakan dalam bidang yang berkaitan untuk mengisi kekosongan jawatan Akademik secara sambilan di **Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Kampus Sungai Petani**.

**JAWATAN : PENSYARAH SAMBILAN SEPENUH MASA (PTFT)**

**FAKULTI / BIDANG :**

FAKULTI	BIDANG	JADUAL GAJI	
		SARJANA MUDA	SARJANA/PHD
Fakulti Pengurusan Maklumat	Pengurusan Maklumat	RM2,300.00	RM 2,800.00

#### 1. SYARAT LANTIKAN

- a) Warganegara Malaysia
- b) Syarat kelayakan
  - i. Mendapat kepujian dalam Bahasa Melayu di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau setaraf;
  - ii. Calon-calon mestilah memiliki CGPA 3.00 dan keatas atau Kelas Kedua Tinggi di peringkat Sarjana Muda;
  - iii. Memiliki kelayakan Ijazah Sarjana Muda/Sarjana/PhD dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Universiti;
  - iv. Menguasai Bahasa Inggeris (lisan dan tulisan) dengan baik;
  - v. Telah tamat pengajian sepenuhnya (samada peringkat Ijazah Sarjana Muda atau Sarjana atau PhD);
  - vi. Mempunyai rekod peribadi yang baik. Calon yang pernah dibuang kerja atas sebab tatatertib tidak boleh dipertimbangkan;
  - vii. Mempunyai pengalaman mengajar dan kemahiran menggunakan teknologi bagi tujuan pengajaran merupakan satu kelebihan.

#### 2. PERHATIAN KEPADA PEMOHON

- a) Pemohon- pemohon hendaklah berumur **tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan**.

b) Setiap permohonan **MESTILAH** disertakan dengan **SALINAN** dokumen berikut yang telah **DISAHKAN**:

- **Kad Pengenalan**
- **Sijil SPM/MCE, HSC/STPM atau setaraf**
- **Ijazah Sarjana Muda, Sarjana, PhD (Skrol & Transkrip Akademik Terperinci)**

c) Nama jawatan (PTFT) yang dipohon hendaklah dinyatakan di penjurua atas sebelah kiri sampul surat permohonan

d) Hanya pemohon yang layak dan disenarai pendek akan dipanggil untuk temuduga

e) Pemohon yang tidak menerima jawapan daripada pihak Universiti selepas **tiga (3) bulan dari tarikh tutup** permohonan adalah dianggap tidak berjaya.

f) Pemohon mestilah bersedia untuk berkhidmat di Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Kampus Sungai Petani

### 3. CARA-CARA MEMBUAT PERMOHONAN

Permohonan hendaklah dibuat di dalam **Borang Perjawatan UiTM** yang boleh didapati dengan melayari laman sesawang UiTM Cawangan Kedah, Kampus Sungai Petani di <https://kedah.uitm.edu.my/>.

Tarikh tutup permohonan adalah pada **25 April 2024**.

Sila kemukakan permohonan kepada :



**UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA**

**TIMBALAN PENDAFTAR KANAN  
BAHAGIAN PENTADBIRAN  
UiTM CAWANGAN KEDAH  
KAMPUS SUNGAI PETANI  
08400, MERBOK  
KEDAH DARUL AMAN**

**NO. TEL: (04) 4562054 / 2056 / 2059**